

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
TAHUN 2020**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : YB TUAN TEH KOK LIM [ TAIPING ]**

**SOALAN**

**TUAN TEH KOK LIM [ TAIPING ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah kolej ADTEC di setiap negeri dan jumlah lekatan ADTEC setiap tahun di setiap negeri untuk 5 tahun yang lalu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Manusia (KSM) menerusi Jabatan Tenaga Manusia (JTM) mempunyai 32 buah institusi latihan kemahiran yang dikenali sebagai Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) yang beroperasi di seluruh negara. ILJTM ini terdiri daripada 8 buah Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC), 23 buah Institut Latihan Perindustrian (ILP), dan sebuah Institut Teknikal Jepun Malaysia (JMTI).
2. Terdapat 8 buah Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) yang menawarkan program Latihan dan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET) di peringkat Diploma dan Diploma Lanjutan. ADTEC terletak di negeri Kedah (ADTEC Kulim), Selangor (ADTEC Shah Alam), Melaka (ADTEC Tabong Naning), Johor (ADTEC Batu Pahat) yang di bina di bawah Rancangan Malaysia ke 7 (RMK 7: 1996 - 2000) dan Perak (ADTEC

Taiping), Pahang (ADTEC Jerantut), Terengganu (ADTEC Kemaman) dan Sarawak (ADTEC Bintulu) di bina di bawah Rancangan Malaysia ke 9 (RMK 9: 2006 - 2010).

3. Kementerian melalui Jabatan Tenaga Manusia (JTM) telah mengeluarkan seramai 10,055 orang graduan TVET lepasan Diploma dan Diploma Lanjutan ADTEC dalam tempoh 5 tahun lalu. Maklumat lengkap berkaitan lepasan ADTEC setiap tahun adalah seperti di dalam Jadual 1.

**Jadual 1: Maklumat Graduan TVET ADTEC JTM mengikut negeri**

<b>BIL</b>	<b>ADTEC</b>	<b>TAHUN</b>				
		<b>2015</b>	<b>2016</b>	<b>2017</b>	<b>2018</b>	<b>2019</b>
1	Shah Alam, Selangor	469	477	407	318	253
2	Batu Pahat, Johor	418	477	516	248	236
3	Kulim, Kedah	219	310	236	163	109
4	Tabong Naning, Melaka	379	478	421	265	364
5	Taiping, Perak	76	210	228	390	107
6	Bintulu, Sarawak	52	129	109	86	207
7	Kemaman, Terengganu	49	311	205	299	305
8	Jerantut, Pahang	-	115	141	167	106
<b>JUMLAH</b>		<b>1662</b>	<b>2507</b>	<b>2263</b>	<b>1936</b>	<b>1687</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>						<b>10,055</b>

Sekian, terima kasih.